

Tindakan mengecewakan - Muhammad

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkritik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara terbuka selepas pertemuan mereka Ahad lepas merupakan perkembangan politik yang amat mengecewakan, kata Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Katanya, tindakan bekas Perdana Menteri itu secara langsung menjatuhkan kredibilitinya sendiri dan memalukan negara.

"Apa yang telah dibuat oleh Tun sebenarnya tidak baik untuk kita sendiri. Lihat kini semua negara luar memandang rendah kepada keupayaan dan kemampuan negara.

"Akhbar-akhbar luar negara terutama di Singapura sudah mula memainkan isu ini yang pastinya menjejaskan kepercayaan pelabur untuk terus menjana ekonomi negara," kata Muhammad dalam ucapannya pada majlis jamuan Hari Raya Persatuan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM) di sini hari ini.

Pada majlis itu, ahli-ahli PSSLM turut menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri dan menentang tindakan Dr. Mahathir yang dianggap keterlaluan.

Muhammad yang merupakan Penyandang Selendang Tertinggi PSSLM menjelaskan, semua parti komponen Barisan Nasional kini menyokong penuh kepimpinan Abdullah dan mempertikaikan tindakan bekas Perdana Menteri itu.

"Semua pemimpin tertinggi sehingga ke akar umbi MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain parti komponen BN sudah menyatakan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri.

"Peluang seharusnya diberikan kepada Pak Lah, beliau baru tiga tahun dan jangan dibandingkan dengan 22 tahun Tun menadbir negara," ujarnya.

Sementara itu, Mahaguru dan Pengasas PSSLM, Datuk Omardin Mauju berkata, tindakan Perdana Menteri yang mendengar 'rintihan' hati Dr. Mahathir adalah tanda kemuliaan seorang insan.

Omardin menambah, PSSLM sentiasa menyokong kepimpinan Perdana Menteri dan turut merancang pertemuan dengan Dr. Mahathir untuk menyatakan bantahan terhadap tindak-tanduk bekas Perdana Menteri itu.